

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 18/07/2022  
Edisi / Muka Surat : Nasional (19)  
Tajuk : 36.8 Juta Pokok Ditanam Seluruh Negara

# 36.8 juta pokok ditanam seluruh negara

Semua pihak diajak menjayakan gerakan tanam pokok secara besar-besaran

## SHAH ALAM

**S**ebanyak 36.8 juta pokok ditanam di seluruh negara setakat ini melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan pada 5 Januari tahun lepas, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Beliau berkata, lebih 1,000 spesies pokok juga berjaya ditanam dalam tempoh sama menerusi kempen dalam Program Penghijauan Malaysia itu.

"Pada tahun lepas, kempen ini berjaya melepasi sasarannya dan bagi tahun ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menyasarkan untuk menanam sebanyak 20 juta pokok setahun.

"Pencapaian kempen ini boleh dilihat dan diperolehi secara terus melalui aplikasi mudah alih 'PENGHIJAUAN MALAYSIA' dan laman web khas [www.100jutapokok.gov.my](http://www.100jutapokok.gov.my)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok sempena Bulan Koperasi Kebangsaan dan Sambutan 100 Tahun Koperasi di Taman Botani Negara, di sini pada Ahad.

Takiyuddin memberitahu, kempen tanam 100 juta pokok itu turut mengajak semua pihak menjayakan gerakan penanaman pokok secara besar-besaran di seluruh negara selain meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap ke-

pentingan pokok dalam kelangsungan hidup.

Tambah beliau, kempen penanaman satu juta pokok oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang bermula pada tahun lepas hingga tahun depan juga selari dengan sasaran kedua Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025) iaitu meningkatkan sumbangan serta menggalakkan pihak swasta untuk terlibat dengan pemuliharaan dan pemeliharaan sumber biodiversiti.

Sebelum itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar turut melancarkan modul Pendidikan dan Pembelajaran 'Sejuta Pokok Segunung Harapan' untuk dimanfaatkan oleh 2,460 koperasi sekolah di seluruh Malaysia dengan keahlian berjumlah kira-kira 1.97 juta individu. - *Bernama*

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA